

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

PLG 295 - Pengantar Kaedah Mengajar Matapelajaran Ilmu Kemanusiaan

Masa : | 3 jam |

Jawab **EMPAT** soalan semuanya. Pilih SATU soalan dari setiap bahagian. Setiap soalan mempunyai markah yang sama.

Bahagian A

1. Huraikan maksud Bahasa Malaysia Merentasi Kurikulum (BMMK) seperti yang selalu diperkatakan mengenai isu tersebut dewasa ini.

2. a) Sebutkan nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral untuk sekolah-sekolah menengah rendah.
b) Bagaimanakah anda hendak menyediakan satu rancangan pengajaran mengenai satu tajuk pilihan anda?

Bahagian B

3. "Mengajar lebih mudah daripada mengajak murid-murid belajar."
 - i) Berdasarkan kenyataan di atas , huraikan maksud mengajar dalam konsep traditional dan moden.
 - ii) Apakah hal-hal yang mempengaruhi sesuatu kaedah mengajar dan kemukakan dengan contoh-contoh yang jelas?

...2/-

4. a) Apakah yang dimaksudkan dengan konsep "kreativiti"?
- b) Dengan memberikan beberapa contoh yang sesuai, bincangkan langkah-langkah yang anda boleh laksanakan untuk menggalakkan murid-murid bertindak secara kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bahagian C

5. a) Huraikan maksud kaedah berikut:
 - i) Inkuari (tinjau-siasat).
 - ii) Kerja-luar.
 - b) Dengan memilih salah satu daripada kaedah di atas, tunjukkan bagaimana anda dapat melaksanakan satu pelajaran pilihan anda.
-
6. "Kaedah Simulasi patut digalakkan dalam semua matapelajaran oleh sebab ia dapat menimbulkan motivasi di kalangan murid-murid." Beri komen anda mengenai kenyataan di atas berdasarkan kepada kekuatan dan kelemahan kaedah tersebut.

Bahagian D

7. a) Kenapakah seseorang guru dikehendaki memainkan banyak peranan di dalam bilik darjah?
 - b) Huraikan peranan-peranan tersebut?
-
8. a) Apakah yang dimaksudkan dengan "Penjelasan Nilai"?
 - b) Huraikan fasa-fasa di dalam penjelasan nilai.